Utusan Borneo: 13.11.2026

Bermain judi dalam talian, wanita didenda RM3,000

MIRI: Seorang wanita didenda RM3,000 atau tiga bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam atas kesalahan bermain judi dalam talian di tempat awam.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Umi Syukriah Harun selepas tertuduh, Nor Saidah Mohd Solleh Liew, 30, dari Jalan Batu Kawa, Kuching, mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibacakan terhadapnya mengikut Seksyen 7 (2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh telah ditahan pada jam 4 petang, 9 November lalu di sebuah premis di Jalan Maju, Taman Jade Manis di sini untuk tujuan pemeriksaan kerana disyaki terlibat aktiviti perjudian jenis judi dalam talian.

Hasil pemeriksaan lanjut polis mendapati telefon bimbit milik tertuduh ada memaparkan aplikasi judi dalam talian.

Berikutan itu, tertuduh ditangkap dan telefon bimbitnya berserta wang tunai RM50